

Perkembangan seni silat Melayu masuki tahap baru Austria rancang anjur pertandingan a-bangsa



ENCIK A. RAHIM
...Persisi pasti hantar peserta

PERKEMBANGAN seni silat di Singapura khususnya dan di seluruh Kepulauan Melayu amnya akan memasuki tahap baru tahun ini bila buat pertama kalinya sebuah negara Eropah akan menganjurkan kejohanan silat antarabangsa.

Austria — sebuah negara yang lebih terkenal dengan para penggubah muzik-muzik simfoni — dijangka menganjurkan (Pertandingan Silat Antarabangsa) yang ketiga dalam Jun 1986.

Singapura akan menghantar satu pasukan ke pertandingan tersebut yang dijangka turut disertai oleh para pesilat dari Indonesia, Malaysia, Jerman Barat, Negeri Belanda, Yugoslavia, Sepanyol, Perancis, Amerika dan Australia.

Mengesahkan penyertaan Singapura itu, Timbalan Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik A. Rahim Dayan, berkata:

"Undangan tersebut telah disampaikan oleh Lembaga Pencak Silat Austria kepada Persatuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang kemudian menyampaikannya kepada Persisi dalam satu pertemuan baru-baru ini.

"Kami merasa gembira dengan undangan itu dan saya kira ia adalah satu rangsangan yang tepat untuk para pesilat tempatan.

"Pada peringkat yang lebih luas, saya rasa pertandingan yang akan diadakan di Austria itu adalah satu pencapaian yang amat penting

Oleh ZAINAL JAMARI

dalam sejarah perkembangan pencak silat."

Menurut beliau, bukan saja pertandingan-pertandingan tersebut akan mempopularkan lagi seni pertahanan diri yang kita warisi, bahkan yang lebih penting lagi ialah mengenalkan silat kepada orang-orang Barat.

Mengenai penyertaan Singapura, Encik A. Rahim berkata bahawa sejauh ini Persisi belum lagi memutuskan berapa ramainya pesilat yang akan menyertai pertandingan itu dan sama ada ia akan menghantar pasukan lelaki dan wanita.

Pilih peserta

Andainya mereka memutuskan untuk menghantar pasukan yang lengkap, bererti Persisi akan menghantar sembilan pesilat lelaki untuk mengambil bahagian dalam semua bahagian dan lima pesilat wanita saja kerana Singapura belum mempunyai pesilat wanita untuk bahagian-bahagian yang lebih berat.

Berhubung dengan pemilihan, Encik A. Rahim memberitahu bahawa mereka belum membuat sebarang pemilihan kerana biasanya mereka yang dipilih untuk mewakili Singapura adalah mereka yang menjadi johan dalam bahagian masing-masing semasa diadakan Pesta Silat Kebangsaan.

Bagaimanapun, memandangkan

Pesta Silat Kebangsaan itu selalunya diadakan sempena Pesta Sukan, iaitu dalam Ogos, sementara pertandingan di Austria itu dijadualkan berlangsung dalam Jun, Persisi mungkin tidak dapat menunggu sehingga Pesta Sukan.

Encik A. Rahim berkata: "Bagaimanapun, kami mempunyai pilihan sama ada mempercepatkan Pesta Silat tahun ini untuk memilih para wakil atau jika tidak dapat, mengadakan pemilihan dengan jalan lain."

Dalam hubungan ini, beliau berkata bahawa para juara dalam Pesta Silat Kebangsaan yang lepas akan diberi keutamaan dalam pemilihan tersebut. Tetapi, beliau mengingatkan, ini tidak bererti bahawa mereka adalah pilihan yang automatik.

"Persisi akan membuat keputusan muktamad dalam soal ini," tegas beliau.

Untuk menghantar pasukan ke Austria, kata Encik A. Rahim, mereka memerlukan kira-kira \$20,000.

Katanya: "Kami sedang berusaha untuk mengumpulkan jumlah wang tersebut sebelum tarikh pertandingan itu. Kami telah pun memohon untuk mengadakan ekspedisi dan berharap dapat mengumpulkan wang tersebut melaluinya.

"Andainya pungutan tidak mencapai jumlah yang diperlukan, kami akan cuba pula untuk mendapatkan penaja.

"Yang pasti, Persisi sah akan menyertai pertandingan itu," jelas beliau lagi.

11 JAN 1986